



KENYATAAN MEDIA

CYBERJAYA

8 September 2023


STRUKTUR MENARA KOMUNIKASI DI KG. RAMBAI SEBUNGA, PEKAN PAHANG ROSAK AKIBAT PERBUATAN VANDALISME

Akibat vandalisme, sebuah lagi menara komunikasi rosak di Kg. Rambai Sebunga, Pekan, Pahang. Ini merupakan kejadian vandalisme kedua yang diterima oleh pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) dalam tempoh kurang daripada sebulan di daerah yang sama.

Hasil tinjauan MCMC mendapati, peralatan elektronik di menara telah mengalami kerosakan teruk. Sehubungan itu, semua peralatan tidak boleh digunakan dan perlu diganti dengan yang baharu.

Turut terkesan ialah perkhidmatan telekomunikasi yang disediakan oleh Celcom, Digi, dan Maxis. Gangguan perkhidmatan turut melibatkan dua (2) lagi menara CelcomDigi lain yang dirangkaikan melalui menara ini yang terletak di Kg. Belimbing dan Tasek Chini, Pekan.

Bagi perkhidmatan U Mobile, ia telah berjaya dibaik pulih secara interim semalam.



Kesan vandalisme ke atas menara komunikasi di Kg. Rambai Sebunga oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Sebagai langkah penyelesaian sementara, usaha sedang giat dijalankan oleh pihak CelcomDigi untuk mengaktifkan menara-menara ini secara berperingkat bermula dengan menara Tasek Chini yang dijangka akan mula beroperasi semula pada hari Sabtu, 9 September 2023, diikuti menara lain beberapa hari selepas itu. Kerja baik pulih sepenuhnya dijangka selesai selewat-lewatnya pada hari Rabu, 13 September 2023.

Orang awam dipohon memainkan peranan untuk melaporkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia sekiranya ternampak sebarang aktiviti yang mencurigakan di menara komunikasi. MCMC akan turut meningkatkan kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan untuk memantau keselamatan struktur menara komunikasi di lokasi masing-masing.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

